

Anwar: Saya tidak dengar apa-apa

Oleh **FITRI NIZAM**

fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan beliau tidak mendengar sebarang makluman mengenai rombakan Kabinet membabitkan Jemaah Menteri dalam masa terdekat seperti dilaporkan sebuah portal berita tempatan semalam.

Sebaliknya, beliau berkata, perkembangan terbaharu membabitkan laporan rombakan Kabinet itu baru sahaja dimaklumkan kepadanya.'

"Itulah saya baru diberitahu. Saya tak dengar lagi, siapa yang hendak tolong *reshuffle* (rombakan), saya tak dengar...*seriously* (betul ini)," katanya.